



# UCAPAN BAJET 2016

OLEH  
YAB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR  
MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN

PADA,  
**SELASA**  
**17 NOVEMBER 2015**

KETIKA MEMBENTANGKAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016

MEMBAWA USUL  
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 2016

**TEKS UCAPAN  
PEMBENTANGAN BAJET 2016  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani,  
Selawat serta salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad  
Sollallah Huaalahi Wasalam.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Dewan Negeri,

Saya mohon izin untuk membawa usul-usul berikut:

**Pertama:**

**Mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang yang dinamakan “Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2016 dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu” dibaca bagi kali kedua.**

**Kedua:**

**Mengusulkan butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai “Kertas Dewan Bilangan 36 Palang 2015, adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang sebanyak tiga ratus sembilan puluh tujuh juta empat ratus tiga puluh lapan ribu ringgit (RM397,438,000) yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2016. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan.”**

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang Dipertua,

## **PENDAHULUAN**

1. Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwa Taala, dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat kita sekali lagi, bersidang di Dewan Negeri yang mulia ini, bagi melaksanakan amanah rakyat kepada kita sebagai Ahli Dewan Negeri Perak.

2. Rasa syukur juga kita zahirkan kerana sepanjang tempoh setahun yang lalu, selepas Bajet Negeri Perak 2015 dibentangkan, pelbagai program yang dirancang telah dapat dilaksanakan. Agenda pembangunan negeri dan program untuk rakyat telah dapat direalisasikan sebaik mungkin.

3. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih, kepada seluruh Ahli Dewan dan anggota pentadbiran di semua peringkat, yang terus istiqamah dalam menjayakan program dan projek pembangunan, seperti yang telah digariskan di bawah Bajet 2015, demi untuk kesejahteraan rakyat dan Negeri yang tercinta.

4. Bajet 2016 yang dibentangkan pada persidangan Dewan Negeri kali ini, adalah merupakan belanjawan pertama bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Alhamdulillah pada 18 Ogos 2015 yang lalu di Dewan yang mulia ini, saya telah membentangkan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri Perak di bawah RMK-11.

5. Menyoroti kembali prestasi Bajet Negeri Perak sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) bermula tahun 2011 hingga tahun ini, berkat dukungan ahli-ahli Dewan yang mulia dan komitmen di peringkat pelaksana, kita telah mencapai lebihan belanjawan bagi tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014 dan mudah-mudahan rekod yang sama dapat

kita capai di akhir tahun kewangan 2015. Walaupun bagi tempoh berkenaan, belanjawan yang dibentangkan bersifat defisit tetapi pada setiap akhir tahun kewangan, kita mampu mencatat lebih (surplus).

6. Selain kejayaan mencatatkan lebih, kita juga tidak membuat pinjaman bagi menampung program-program pembangunan negeri sepanjang tempoh berkenaan.

7. Untuk itu melangkah masuk di tahun pertama RMK-11 pada tahun hadapan, persediaan dan perancangan lebih rapi diperlukan dalam menyediakan Bajet 2016. Dalam usaha memastikan pertumbuhan ekonomi terus kekal rancak, keupayaan untuk memenuhi hasrat rakyat perlu diseimbangkan dengan cabaran-cabaran semasa yang ada. Kelembapan ekonomi dunia, kerencaman dalam nilai ringgit, aliran harga komoditi yang tidak menentu dan rasionalisasi dalam perbelanjaan kerajaan, sudah pasti akan mempengaruhi hasil negeri.

8. Sehubungan itu, perkembangan ekonomi dunia, serantau dan dalam negeri perlu ditelaah, agar langkah-langkah yang sesuai dapat diambil dalam menyediakan Bajet 2016.

## **Prestasi Ekonomi Semasa Dan Prospek 2016**

9. Menelusuri situasi pertumbuhan ekonomi semasa negara yang berkembang sebanyak 5.3 peratus bagi suku pertama tahun 2015, anggaran purata tahunan adalah antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus bagi sepanjang tahun ini, berbanding dengan pertumbuhan ekonomi dunia yang hanya berkembang pada kadar 3.1 peratus.

10. Penyusutan nilai ringgit, kejatuhan harga komoditi seperti kelapa sawit dan getah serta bahan galian, sudah tentu akan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi khususnya di negeri ini, yang turut bergantung kepada penghasilan komoditi berkenaan.

11. Di samping itu, wujud ketidakpastian dan ketidakstabilan yang meningkat dalam pasaran kewangan global. Faktor-faktor ini memberi kesan bukan sahaja kepada "ekonomi bermasalah" seperti Greece di kawasan Euro dan Puerto Rico di zon dolar Amerika Syarikat, tetapi juga sehingga ke pasaran ekonomi baru muncul, seperti Brazil, Rusia, India dan China (BRIC).

12. Namun demikian, dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, kita bersyukur kerana dengan asas ekonomi negara yang kukuh, Perak berupaya mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK yang

menggalakkan. Sebagai imbasan, bagi tahun 2011, Perak mencatatkan 7 peratus berbanding 5.3 peratus di peringkat nasional, tahun 2012; 7.4 peratus berbanding 5.5 peratus di peringkat nasional dan 2013; 5.3 peratus berbanding 4.7 peratus di peringkat nasional.

13. Pertumbuhan yang menggalakkan itu terjana daripada usaha gigih Kerajaan Negeri melalui dasar-dasar yang berpembangunan (*developmental*) dan juga kesungguhan serta kerajinan rakyat pelbagai lapisan dalam usaha mencapai kemajuan di bidang masing-masing.

14. Dari segi nilai sumbangan sektor-sektor utama Negeri Perak kepada pertumbuhan KDNK Negeri adalah seperti berikut:-

- (i) **Sektor pertanian** menyumbang **RM9.48 bilion** pada tahun 2014 meningkat daripada RM9.18 bilion pada tahun 2011;
- (ii) Trend peningkatan nilai sumbangan juga dapat dilihat bagi **sektor perlombongan dan pengkuarian** dengan nilai **RM375 juta** pada 2014 berbanding RM255 juta pada 2011;
- (iii) **Sektor pembuatan** turut meningkat kepada **RM10.05 bilion** pada tahun 2014 berbanding RM8.33 bilion pada 2011;
- (iv) **Sektor pembinaan** pula mencatat **RM2.11 bilion** pada 2014 berbanding RM1.24 bilion pada tahun 2012; dan

- (v) **Sektor perkhidmatan** menyumbang **RM 32.75 bilion** pada 2014 berbanding RM27.32 bilion pada 2011.

15. Disamping meneruskan program-program pembangunan sedia ada, usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri akan memberikan tumpuan kepada program atau projek yang melibatkan penyertaan pelabur asing dan swasta, dalam kerangka *private sector driven economy*. Selain dari itu, usaha akan diteruskan bagi merapatkan jurang antara wilayah, serta pembangunan wilayah baru, sejajar dengan pendekatan inklusif.

16. Dengan latarbelakang yang sedemikian itu dan mengambil kira senario serta iklim ekonomi semasa, Negeri Perak dijangka dapat mencatatkan pertumbuhan ekonomi pada kadar sederhana **4 hingga 5 peratus pada tahun 2016**, selaras dengan kadar pertumbuhan di peringkat nasional.

## **Pelaburan**

17. Negeri Perak terus berupaya menarik pelaburan sama ada domestik mahu pun asing. Bagi tahun 2014, sejumlah RM1.71 bilion pelaburan di dalam sektor pembuatan telah diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk Negeri Perak, yang



terdiri daripada RM1.32 bilion pelaburan domestik dan RM387.4 juta pelaburan asing (FDI). Projek-projek yang dibiayai oleh pelaburan tersebut dijangka dapat mewujudkan 2,588 peluang pekerjaan; sekaligus membantu pertumbuhan ekonomi Negeri Perak.

18. Dengan pelbagai inisiatif dan iklim pelaburan yang menarik, pelaburan sektor pembuatan di Negeri Perak terus meningkat dalam tahun 2015. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2015, sejumlah RM2.99 bilion telah diluluskan oleh MIDA (RM423.5 juta pelaburan domestik dan RM2.57 bilion pelaburan asing). Angka ini termasuk cadangan pelaburan oleh sebuah syarikat di dalam industri pembuatan besi di Hutan Melintang, yang akan memanfaatkan kehadiran terminal pengedaran bijih besi Vale di Teluk Rubiah, Manjung. Projek tersebut dijangka dapat memacu pertumbuhan industri hiliran berasaskan besi waja di Daerah Hilir Perak.

19. Kerajaan Negeri akan terus berusaha lebih gigih bagi meningkatkan keyakinan para pelabur, khususnya ketika ketidakpastian di dalam ekonomi global dan serantau serta persaingan yang sengit untuk menarik pelaburan, bukan sahaja di kalangan negeri-negeri di Malaysia, malah sesama negara-negara jiran ASEAN yang lain.

20. Ini termasuklah penyediaan infrastruktur moden yang lengkap di kawasan-kawasan perindustrian bertaraf antarabangsa, supaya

bersesuaian dengan keperluan pembangunan industri khususnya industri-industri berteknologi tinggi, yang memerlukan kecanggihan, sejajar dan relevan dalam senario pasaran yang kompetitif dan semakin mencabar.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

### **BAJET TAHUN 2016**

21. Dengan imbauan ringkas daripada dimensi retrospektif dan juga unjuran prospektif bagi tahun-tahun mendatang, khususnya 2016, izinkan saya membutirkan Bajet Tahun 2016 Negeri Perak seperti berikut:-

22. Bajet Negeri Perak Tahun 2016 disediakan dengan unjuran Hasil dan Terimaan Pembangunan sebanyak **satu billion, tiga puluh sembilan juta, enam ratus empat puluh dua ribu, lima ratus empat puluh sembilan ringgit (RM1,039,642,549)** yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah **RM999.64 juta** dan Terimaan Pembangunan **RM40 juta**.

23. Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2016 di bawah maksud Tanggungan dan Bekalan dicadangkan sebanyak **RM691.38 juta**. Ia merangkumi **RM328.11 juta** bagi perbelanjaan emolumen, **RM256.33 juta** bagi perkhidmatan dan bekalan, **RM10.41 juta** bagi pembelian aset,

**RM93.73 juta** untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta **RM2.80 juta** untuk lain-lain perbelanjaan.

24. Peruntukan Pembangunan tahun 2016 pula disediakan sebanyak **RM397.44 juta** di mana sektor sosial dan kesejahteraan rakyat menerima agihan tertinggi iaitu RM192.85 juta, diikuti peruntukan untuk infrastruktur berjumlah RM152.47 juta dan RM52.12 juta untuk sektor ekonomi.

25. Dengan mengambil kira unjuran Hasil dan Terimaan Pembangunan berjumlah **satu billion, tiga puluh sembilan juta, enam ratus empat puluh dua ribu, lima ratus empat puluh sembilan ringgit (RM1,039,642,549)** serta Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berjumlah **satu billion, lapan puluh lapan juta, lapan ratus dua puluh satu ribu, dua ratus dua puluh lima ringgit (RM1,088,821,225)**, Bajet Negeri Perak Tahun 2016 diunjurkan sebagai bajet defisit sebanyak **RM49.18 juta**.

#### **BELANJAWAN BERHEMAH, RAKYAT SEJAHTERA**

26. Bertemakan **Belanjawan Berhemah, Rakyat Sejahtera**, Bajet Tahun 2016 ini dirangka berteraskan pertanggungjawaban, keberkesanan, kecekapan dan penyelarasan. Teras-teras ini merupakan elemen penting dalam tadbir urus yang baik.

27. Maka dalam memastikan **Belanjawan Berhemah**, kaedah, proses dan institusi yang terlibat merupakan instrumen penting yang perlu diberi perhatian. Bila mana masyarakat dan organisasi menyuarakan kepentingan masing-masing, melaksanakan hak dan tanggungjawab mereka, ia menjadikan tanggungjawab di pihak kerajaan untuk menyelesaikan dan mengimbangkan apa-apa perbezaan di antara mereka.

28. Justeru, pertanggungjawaban yang dituntut dalam penyediaan Bajet Berhemah, adalah dalam erti kata kewajipan (obligasi) di semua peringkat untuk memastikan hasil dan terimaan negeri serta perbelanjaan yang dirancang benar-benar menepati sasaran yang ditetapkan.

29. Keberkesanan dan kecekapan dalam soal kutipan hasil, mengenalpasti sumber hasil baru dan pelaksanaan secara optimal juga perlu diberikan keutamaan demi kesejahteraan rakyat.

30. Malah melalui Bajet Tahun 2016, pihak Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan dalam soal penyelarasan sumber dan hasil demi memastikan pulangan yang maksima dapat dicapai.

31. Diharapkan melalui penekanan terhadap aspek pertanggungjawaban, keberkesanan pengurusan, kecekapan operasi

serta penyelarasan sumber dan hasil, matlamat **Rakyat Sejahtera** melalui belanjawan ini akan dapat dicapai.

32. Kesejahteraan rakyat akan dapat diukur apabila mengecilnya kesenjangan sosial di antara masyarakat, pemerataan agihan melampaui batas demografi, meningkatkan partisipasi masyarakat dalam projek dan program yang disusun, serta mengukuhkan institusi masyarakat yang menjadi pemangkin ke arah melahirkan rakyat yang bersatu, saling menghormati dan bertoleransi di negeri ini.

33. Bermatlamatkan **Belanjawan Berhemah, Rakyat Sejahtera**, Bajet Tahun 2016 dirangka dengan tujuh fokus utama:

**PERTAMA : MEMPERKASAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI;**

**KEDUA : MEMANTAPKAN URUS TADBIR;**

**KETIGA : MENGUPAYAKAN PENDIDIKAN, MODAL INSAN, POTENSI GENERASI MUDA DAN WANITA;**

**KEEMPAT : MEMPERTEGUHKAN INTEGRASI DAN KEHARMONIAN;**

**KELIMA : MEMPERKUKUHKAN JARINGAN INFRASTRUKTUR;**

**KEENAM : MENSEJAHTERAKAN KEHIDUPAN RAKYAT; DAN**

**KETUJUH : MENYEMARAKKAN SYARIAT.**

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

**FOKUS PERTAMA:**

**MEMPERKASA PERTUMBUHAN EKONOMI;**

34. Dalam usaha memperkasakan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan beberapa rancangan pembangunan ekonomi yang melibatkan pembangunan koridor pertumbuhan.

35. Selain daripada insentif kepada pemaju-pemaju kawasan perindustrian baru seperti pemberian taraf *fast-track*, mengenakan kos premium tanah yang rendah dan pemberian diskaun antara 10 hingga 30 peratus bagi premium mengubah syarat nyata tanah daripada pertanian kepada perindustrian, peluang terbuka luas kepada pemaju tempatan dan luar negara untuk meneroka potensi pembangunan kawasan-kawasan perindustrian baru di Negeri Perak. Beberapa kawasan perindustrian baru strategik telah dirancang dan akan dibangunkan dalam masa terdekat oleh agensi Kerajaan Negeri dan syarikat swasta. Antaranya termasuk ***Perak Hi-Tech Industrial Park (PHTIP)*** di Kanthan, **Kawasan Perindustrian di Lembah Beriah**, **Kawasan Perindustrian di Sungai Wangi** dan ***Green Asia Aerospace Technology Park (GAATP)*** di Seri Iskandar.

## **Pembangunan Wilayah Perak Selatan**

36. Perancangan juga telah dibuat bagi membangunkan Wilayah Perak Selatan sebagai pelan rancangan pembangunan komprehensif bagi menyedia dan menampung impak pembangunan berskala besar yang meliputi Daerah Batang Padang dan Hilir Perak.

37. Bagi memastikan Pembangunan Wilayah Perak Selatan tidak terpisah dengan kerancangan pembangunan nasional, Kerajaan Negeri telah mencadangkan agar cakupan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), diperluaskan dengan melibatkan kawasan pembangunan Wilayah Perak Selatan ini.

38. Pembangunan Wilayah Perak Selatan ini akan dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Antara cadangan pembangunan yang akan dibangunkan adalah *Rungkup Waterfront City*, Bandar Baru Bidor, Bandar Baru Tapah Road, Bandar Baru Sungkai, Bandar Baru Teluk Intan, *1Malaysia Youth City* dan *Automotive City* di Tanjung Malim. Perancangan pembangunan ini selaras dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan bagi penubuhan daerah baru iaitu Daerah Mua'llim. Pembangunan ini akan merancakkan pertumbuhan ekonomi Negeri Perak di samping berupaya meningkatkan taraf hidup rakyat setempat khasnya dan penduduk Negeri Perak amnya.

## **Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)**

39. Begitu juga dengan inisiatif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) yang akan terus dilaksanakan dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan sosial di utara Negeri Perak dan Daerah Manjung. Pelbagai perancangan dibuat oleh NCIA bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, termasuk pelaksanaan Program Pembangunan Industri Sayur-Sayuran Tanah Rendah, Program Peningkatan Hasil Padi dan Program Beliaku Mahir.

40. NCIA juga telah menggariskan perancangan bagi menambahbaik infrastruktur Taman Industri Kamunting dan Kamunting Raya, pelaksanaan inisiatif Rapid Taiping di Greater Kamunting, dan juga penubuhan Pusat Inovasi Komuniti (*Community Innovation Centre*) di Lekir.

41. Dalam aspek pelancongan pula, NCIA juga merancang untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Hutan Tropika Belum-Temengor serta Kajian Pembangunan Pelancongan di Pulau Pangkor dan Manjung untuk dipromosikan ke peringkat antarabangsa.



## **Pembangunan Bandar Meru Raya**

42. Merencanakan lagi kegiatan ekonomi, Kerajaan Negeri meneruskan iltizam memajukan Bandar Meru Raya sebagai pusat pertumbuhan yang merangkumi produk pelancongan, perniagaan, pusat pentadbiran dan penempatan perbandaran yang terancang.

43. Selain daripada pembangunan taman tema berasaskan animasi iaitu *Movie Animation Parks Studio (MAPS)* dengan pelaburan RM400 juta, yang dijangka siap pada Mei 2016 dan dijangka menarik 1.4 juta pelancong setahun, beberapa projek produk pelancongan dan pusat tumpuan lain sedang giat dirancang dan dilaksanakan.

44. Buat masa ini Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, dengan belanja sebanyak RM16 juta sedang membangunkan sebuah taman rekreasi yang merupakan *Green Lung* bagi Bandar Meru Raya. Dibangunkan atas kawasan seluas 18 ekar, taman rekreasi moden ini memiliki ciri-ciri kecanggihan dan keunikan tersendiri atau dengan izin *state of the art*. Di antara kemudahan-kemudahan yang akan disediakan termasuk *carnival/ festival walk, extreme game park, amphitheatre, jungle park, outdoor exhibition center, wall climbing, skate park*, pentas terbuka, pusat kebudayaan, kawasan jogging, pusat rehat & rawat serta kawasan letak kereta. Taman ini dijangka akan memulakan operasi pada April 2016.

45. Selain daripada itu, Bandar Meru Raya dalam tempoh 5 tahun mendatang akan menyaksikan pembangunan beberapa lagi pusat pelancongan dan pusat tumpuan orang ramai. Dengan anggaran kos pembangunan kasar sebanyak RM2 bilion dalam tempoh berkenaan, kemudahan-kemudahan seperti *hotel, retail & food beverage outlets* dan *pedestrian walkway*, akan dibangunkan, di kawasan seluas 39.01 ekar.

46. Melalui perancangan ini, InshaAllah, ia akan menjadikan Bandar Meru Raya, perbandaran yang bersifat mandiri atau *self-contained*, sebuah bandar bersepadu, efisien dan moden dengan persekitaran yang berkualiti dan sesuai untuk kehidupan, pekerjaan, perniagaan serta aktiviti riadah.

### **Pembangunan Pekan-Pekan Kecil**

47. Sementara tumpuan diberikan terhadap membangunkan pusat kegiatan ekonomi di bandar, pembangunan pekan-pekan kecil tidak dikesampingkan dalam memastikan pemerataan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi di negeri ini.

48. Pelaksanaan 41 buah Pekan-Pekan Kecil di seluruh Negeri Perak bagi memastikan pembangunan yang seimbang dan lestari di antara

kawasan bandar dan luar bandar giat dilaksanakan. Bagi tahun 2015, tiga (3) buah Pekan Kecil telah siap dibangunkan iaitu di Trong, Ijok dan Sauk.

49. Sepuluh (10) buah Pekan Kecil lagi yang telah dimulakan pembangunan termasuk di Kubu Gajah, Lekir, Gunung Semanggol dan Simpang Lima dijangka siap pada awal tahun 2016. Manakala Enam (6) lagi iaitu Manong, Changkat Jong, Kampong Slim, Lawin, Bandariang dan Bagan Datoh dijangka akan dapat disiapkan pada suku kedua dan ketiga 2016.

50. Bagi tahun 2016, kajian pembangunan juga telah dilaksanakan di 12 kawasan baru untuk dibangunkan iaitu Sungai Manik, Gunung Mesah, Pengkalan Baharu Pantai Remis, Tanjong Belanja, Kampong Plang, Padang Changkat, Sungai Lesong, Kampong Jelai, Kuala Slim, Lintang, Kuala Kurau dan Sungai Renggam.

51. Selain itu, lagi 12 buah kawasan berpotensi untuk dibangunkan telah dikenalpasti iaitu Kampung Batu Masjid Temoh, Bukit Gantang, Matang, Simpang Empat Rungkup, Batu 16 Hutan Melintang, Lubuk Merbau, Bukit Bertam, Bendang Kering, Sungai Kerang, Titi Serong, Selinsing dan Kuak.

52. Usaha akan diteruskan dalam mengenalpasti kawasan-kawasan lain yang berpotensi untuk dibangunkan bagi mencapai 41 buah Pekan Kecil menjelang tahun 2018.

### **Pelancongan**

53. Sektor pelancongan turut memainkan peranan penting sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi negeri. Kerancangan sektor ini dapat dilihat melalui penambahan 13 buah hotel baru di seluruh negeri sejak tahun 2014.

54. Ia dikuatkan lagi dengan Laporan Penyiasatan Pelancongan Domestik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang menunjukkan peningkatan jumlah pelancong domestik ke Negeri Perak kepada tujuh (7) juta orang dengan purata perbelanjaan RM286 seorang pada tahun 2014 berbanding 6.02 juta orang dengan purata perbelanjaan RM279 pada 2013. Peningkatan adalah sebanyak 16.3 peratus. Untuk rekod, bagi tempoh 2012 hingga 2014 Negeri Perak, merupakan negeri tertinggi di peringkat kebangsaan menerima bilangan pelancong domestik.

55. Dengan pencapaian yang memberangsangkan ini, Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan Tahun Melawat Perak pada tahun 2017 bagi terus mengekalkan pelancong berulang dan mempertingkatkan

bilangan pelancong baru, baik domestik mahupun antarabangsa. Selaras itu, kita menetapkan sasaran 400 ribu orang pelancong antarabangsa setahun dan kenaikan 10 peratus bagi tahun-tahun berikutnya, dengan tumpuan kepada pasaran Asia dari Singapura, Jepun dan China selaras dengan kempen *Go Asean* Kementerian Pelancongan Malaysia. Manakala pelancong dari benua Eropah serta Arab juga turut diberi tumpuan bagi segmentasi pelancongan yang bertemakan *Eco Tourism* dan *Theme Park*, sejajar dengan pembukaan Taman Tema Animasi di Ipoh pada tahun hadapan.

56. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga turut memperuntukkan **RM3 juta** bagi membiayai **program pelancongan sukan** dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

57. Untuk merealisasikan hasrat ini, peruntukan bagi tahun 2016 ditambah **RM1.5 juta** menjadikan sejumlah **RM10 juta** untuk **menaiktaraf dan menyelenggara tempat-tempat menarik (*Places of Interest*), mengikuti latihan serta melaksanakan program-program promosi pelancongan** di dalam dan luar negara.

58. Bagi menzahirkan hasrat tersebut, Pelan Strategi Pelancongan Negeri Perak sedang dirangka dan akan dilaksanakan mulai tahun 2016.

## **Pembangunan Geopark Lembah Kinta**

59. Selaras dengan usaha merancakkan lagi sektor pelancongan, Kerajaan Negeri terus komited dengan cadangan pembangunan Geopark Lembah Kinta. Jabatan Mineral & Geosains ditugaskan untuk melaksanakan kajian dan penyelidikan terperinci berkaitan maklumat geologi, flora, fauna, warisan sejarah serta budaya di kawasan berkenaan. Kerja-kerja diteruskan pada tahun 2016 bagi melengkapkan *dossier* sebelum diangkat kepada Jawatankuasa Penilai Geopark Kebangsaan. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM1 juta** bagi maksud **Geopark Lembah Kinta**.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **Pertanian**

60. Sektor pertanian terus diberikan perhatian, sejajar dengan hasrat serta halatuju untuk menjadikan Negeri Perak sebagai pengeluar makanan utama negara. Dalam melaksanakan komitmen ini, peruntukan untuk sektor ini ditambah sebanyak **RM500 ribu**, menjadi **RM8.5 juta** yang disalurkan melalui **Jabatan Pertanian Negeri**.

61. Pembangunan di sektor pertanian akan ditumpukan kepada 5 bidang utama iaitu industri florikultur & komoditi berpotensi, perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian, pembangunan usahawan & industri asas tani, perkhidmatan sokongan teknikal dan kemudahan infrastruktur perkhidmatan pengembangan.

62. Pembangunan tersebut merangkumi aktiviti penanaman, penjagaan, penuaian, pengumpulan, pemprosesan dan pemasaran hasil pertanian yang melibatkan kluster seperti berikut:-

- (i) Kluster Pembangunan Industri Buah-Buahan di Daerah Larut, Matang & Selama (durian), Kuala Kangsar (limau besar), Manjung (mangga) dan Batang Padang (jambu batu);
- (ii) Kluster Pembangunan Sayur-Sayuran di Daerah Kinta dan Batang Padang;
- (iii) Kluster Pembangunan Industri Kelapa di Daerah Hilir Perak;
- (iv) Kluster Pembangunan Industri Padi di Daerah Kerian, Hilir Perak dan Perak Tengah;
- (v) Kluster Pembangunan Herba dan Rempah Ratus di Taman Herba, Kinta, Perak Tengah dan Larut, Matang & Selama; dan
- (vi) Kluster Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Lekir, Titi Gantung, Sungkai, SKC Slim, Bukit Sapi dan Perlop.

## **Penternakan**

63. Bagi sektor penternakan pula, sejumlah **RM9.5 juta**, iaitu kenaikan RM0.5 juta diperuntukkan kepada **Jabatan Perkhidmatan Veterinar** bagi membiayai perkhidmatan yang meliputi pembangunan industri ruminan.

64. Selain itu, pembangunan industri bukan ruminan turut dilaksanakan, yang melibatkan pembangunan industri burung walit, industri asas ternakan dan Pusat Pembiakan Unggas.

## **Perikanan**

65. Mulai tahun 2016, **Jabatan Perikanan Negeri** akan menerima peruntukan secara langsung dari Kerajaan Negeri, tidak lagi melalui Jabatan Pertanian Negeri seperti sebelumnya. Untuk tahun 2016 sejumlah **RM350 ribu** peruntukan awal diberikan kepada jabatan ini bagi melaksanakan pembangunan ikan hiasan, pengurusan sumber perikanan darat dan kerja-kerja menaiktaraf Pusat Konservasi Penyu di Segari.

66. Selain daripada tumpuan kepada *Capital Economy*, dengan izin, seperti yang diperincikan di atas, Kerajaan Negeri turut memberikan fokus kepada *People Economy*.



67. Melalui Yayasan Bina Upaya (YBU) yang telah terbukti berjaya membangunkan ekonomi rakyat, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM 7 juta** bagi merancakkan lagi program ekonomi rakyat dengan agihan:

- RM 4 juta melalui Program Mikro Kredit;
- RM 1 juta bagi Kluster Ekonomi Keluarga;
- RM 1 juta untuk Program Mikro Kredit Amanjaya Belia Niaga; dan
- RM 1 juta bagi Kiosk Amanjaya.

68. Program pembangunan ekonomi rakyat turut dilaksanakan oleh PKNP. Antaranya:

- **Pusat Pembangunan Usahawan** yang berperanan membimbing dan melahirkan usahawan baru;
- **Program Pengedaran dan Pemasaran Produk Industri Desa** (*Distribution Center - DC*), bagi membantu memasarkan produk-produk industri desa terus kepada peruncit. Seramai 65 usahawan terlibat dengan pasaran 106 buah kedai/outlet seluruh Perak seperti AEON Big, kilang-kilang serta Institut Pengajian Tinggi;
- **Penyediaan Pusat Guna Sama atau *Common Facilities Centre (CFC)*** Chemor iaitu sebuah Pusat Guna Sama untuk meningkatkan perkhidmatan khidmat nasihat teknikal, teknologi, latihan, kaji selidik (R&D) dan menyediakan kemudahan peralatan seramik untuk membantu usahawan-usahawan seramik;

- **Program Pelan Pembangunan Usahawan BantuNita** Negeri Perak yang membantu dan membimbing bakal-bakal usahawan wanita dari lima (5) kawasan yang telah dikenalpasti iaitu di Kampung Aji, Ulu Slim, Kampung Telaga Nenas, Sg. Siput dan Buntung; dan
- **Program Khidmat Teknikal dan Sokongan** yang melibatkan sasaran 80 usahawan untuk dibantu dalam tempoh 2016 hingga 2018. Objektif program ini adalah menghasilkan mesin dan peralatan baru mengikut keperluan usahawan bagi meningkatkan tahap perniagaan sedia ada.

69. Selain PKNP, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Perak (SADC) turut melaksanakan program bagi melonjakkan lagi kegiatan ekonomi rakyat di negeri ini. Antara program yang akan dilaksanakan:

- Ladang Belia 2 yang melibatkan 30 peserta
- Ladang Asnaf Lekir yang melibatkan 325 peserta
- Ladang Agroprenuer Sungai Galah melibatkan peserta generasi muda
- Ladang Rakyat baru seluas 1,700 hektar melibatkan 1,500 peserta

Dato' Sri Yang Dipertua,

**FOKUS KEDUA:**

**MEMANTAPKAN URUS TADBIR**

70. Dalam memastikan urus tadbir Kerajaan Negeri dapat dimantapkan sejumlah **RM18.87 juta** diperuntukkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pemantapan urus tadbir di sektor awam amat penting bagi memastikan pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat akan dapat dicapai semaksima mungkin. Tanpa penekanan yang serius terhadap urus tadbir, perancangan yang dilihat cantik di atas kertas, akan menjadi hambar sekiranya tidak diurus dan dilaksanakan dengan berkesan.

71. Pembudayaan integriti di kalangan penjawat awam dan penerapan budaya inovasi akan diberikan tumpuan bagi memastikan perkhidmatan dan sistem penyampaian dapat dilaksanakan dengan cekap untuk manfaat rakyat.

72. Alhamdulillah, dengan tumpuan yang diberikan beberapa transformasi pentadbiran Kerajaan Negeri telah menampakkan keberkesanan dan memperolehi pelbagai pengiktirafan. Antaranya ialah:

- Mengurangkan ketirisan daripada segi perolehan hasil pasir apabila kerajaan menubuhkan Pengurusan Pasir Perak (3P) di bawah

Perbadanan Menteri Besar yang memperkenalkan Sistem Kawalan dan Pemantauan seperti Sistem Pengurusan Sumber Mineral (SPSM); dan mendapat pengiktirafan Jabatan Audit Negara.

- Mewujudkan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dalam merealisasikan matlamat Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Model Ekonomi Baru (MEB). PEMUDAH telah berjaya mempromosikan kerjasama rapat sektor awam-swasta untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan kecekapan persekitaran perniagaan. Dengan persaingan sengit di peringkat negara dan juga global, peranan dan fungsi PEMUDAH Perak semakin penting bagi menarik pelaburan daripada pasaran baru dan pasaran sedia ada.
  
- Pelaksanaan *Electronic-Medical Automated Supply System* (e-MASS). Sistem ini merupakan satu sistem pengurusan tuntutan bayaran balik perubatan, yang melibatkan semua urusan pembekalan ubat-ubatan dan alat yang tidak disediakan di hospital atau klinik kerajaan, serta tuntutan kos perubatan.
  
- Sebagai permulaan, pelaksanaan e-MASS ini akan meliputi pesara awam negeri, Ahli dan juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri

Perak (ADUN). Jumlah ini meliputi seramai 7,700 orang pesara awam negeri dan 206 orang pesara ADUN Perak dengan jumlah tanggungan seramai 18,190 orang bagi pesara awam negeri dan 414 orang tanggungan pesara ADUN. Perkhidmatan ini akan diperluas kepada penjawat Awam Kerajaan Negeri Perak pada masa hadapan.

73. Selain transformasi pentadbiran tersebut, penubuhan Unit Integriti di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, di samping penganjuran pelbagai program, diharap akan dapat meningkatkan tahap integriti dan budaya inovasi dalam sektor perkhidmatan awam.

74. Alhamdulillah, dengan ketekunan meningkatkan tahap kecekapan sektor awam, pencapaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak turut dilihat sebagai satu perkembangan yang baik. Bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan, terdapat 4 PBT yang telah berjaya memperolehi penganugerahan tertinggi 4 Bintang bagi pengauditan tahun 2014 iaitu Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Daerah Batu Gajah, Majlis Daerah Pengkalan Hulu dan Majlis Daerah Selama. Ini menunjukkan peningkatan 2 PBT yang memperolehi penganugerahan ini berbanding tahun sebelumnya.

75. Manakala bagi Sijil Bersih Penyata Kewangan pula, buat kali kedua berturut-turut, kesemua 15 PBT telah dianugerahkan Sijil ini bagi Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2014.

### **Pembudayaan Inovasi**

76. Penerapan budaya inovasi di dalam perkhidmatan awam turut diberi perhatian dengan pelaksanaan Sambutan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Sempena dengan sambutan berkenaan, julung kalinya pada tahun 2015 ini, Anugerah Inovasi Menteri Besar telah dianugerahkan kepada Sekolah Raja Perempuan Taayah dengan penghasilan inovasi *Young Scientist* bertaraf antarabangsa.

77. Bagi menunjukkan usaha Kerajaan Negeri ke atas penghasilan inovasi ini, Tabung Amanah Inovasi telah ditubuhkan bagi menampung kos-kos mempaten inovasi yang akan dapat mendatangkan pendapatan kepada Kerajaan Negeri, kos pelaksanaan projek inovasi, kos menyertai pertandingan dan lain-lain kos yang berkaitan.

78. Di peringkat PBT pula, beberapa anugerah telah berjaya diperolehi, antaranya:-

- (i) Majlis Perbandaran Taiping mendapat pengiktirafan *The Best Destination Award* daripada *Tourism Promotion Organisation* di Shanghai, China pada Mei 2015;
- (ii) Anugerah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) ke-28, Majlis Perbandaran Teluk Intan muncul johan bagi kategori teknikal, Majlis Daerah Tanjung Malim , naib johan dengan projek AZIMUTH MDTM dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dengan projek FULL THROTTLE di tempat ketiga.

79. Selaras dengan usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan pentadbiran, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelbagai pendekatan termasuk penganjuran persidangan-persidangan antarabangsa bagi mencari idea dan pendekatan baharu. Untuk tujuan itu, sebanyak **RM3 juta** disediakan bagi penganjuran **Seminar dan Persidangan Antarabangsa**.

80. Begitu juga halnya kecekapan pentadbiran di peringkat akar umbi turut diberikan tumpuan. **Institusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)** yang berperanan menjadi perantara Kerajaan Negeri dengan masyarakat kampung diperuntukkan **RM4.15 juta** pada bagi tahun 2016 untuk memperkasa tugas dan peranan institusi berkenaan.

81. Tidak ketinggalan dalam memastikan perkhidmatan kepada rakyat dapat diberikan secara berkesan termasuk oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri Perak, peruntukan **RM3 ribu sebulan** sebelum ini bagi membiayai operasi **Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (ADUN)**, dinaikkan kepada **RM 4 ribu** sebulan, melibatkan 59 pusat khidmat termasuk kawasan pembangkang dengan jumlah peruntukan **RM2.83 juta** akan diteruskan pada tahun 2016.

### **Bantuan Khas Pegawai Kerajaan Negeri**

82. Sebagai penghargaan kepada komitmen padu semua warga perkhidmatan awam Negeri bagi tahun 2015 dan selaras dengan pembentangan Bajet Kerajaan Persekutuan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan Negeri turut bersetuju untuk memberikan Bantuan Khas Pegawai Kerajaan **RM500** kepada semua pegawai Kerajaan Negeri. Ini melibatkan perbelanjaan sebanyak **RM3.86 juta**.



Walau bagaimanapun, bajet ini akan dibayar menggunakan peruntukan tahun 2015 dan tidak terbeban ke atas bajet tahun 2016.

Dato' Sri Yang Dipertua,

**FOKUS KETIGA:**

**MENGUPAYAKAN PENDIDIKAN, MODAL INSAN, POTENSI  
GENERASI MUDA DAN WANITA**

83. Menyedari hakikat komponen generasi muda yang semakin besar pada masa kini dan perlunya pembangunan kapasiti mereka diberikan tumpuan, Kerajaan Negeri komited dalam usaha-usaha untuk mencemerlangkan potensi mereka bermula dengan sektor pendidikan, latihan dan pengupayaan.

84. Untuk itu, Bajet 2016 memperuntukkan sebanyak **RM62.5 juta** bagi memastikan pendayaan modal insan dapat digerakkan untuk melahirkan anak negeri yang berketrampilan.

85. Di bawah peruntukan tersebut, sebanyak **RM55.8 juta** diperuntukkan melalui pengupayaan pendidikan, dengan pengagihan:

- RM16 juta disediakan untuk pengurusan Kolej Universiti Sultan Azlan Shah (KUISAS);
- RM11 juta Dermasiswa Pendidikan Negeri;
- RM7 juta untuk caruman kepada Kumpulan Wang Biasiswa Melayu dan Bukan Melayu;
- RM7 juta untuk Program Pembangunan Modal Insan;
- RM7 juta untuk Program Pemetaan Minda, Program Tuisyen On-line dan Program Tuisyen Gemilang;
- RM1 juta untuk Tabung Pendidikan Khas Anak-Anak Kaum India;
- RM2 juta Bantuan kepada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan Mubaligh;
- RM1 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil;
- RM 2.3 juta untuk Asrama Amanjaya Harmoni;
- RM0.5 juta untuk kecemerlangan murid Orang Asli;
- RM0.5 juta untuk Tabung Simpanan Pendidikan Negeri; dan
- RM0.5 juta Program Bantuan Pendidikan kepada Kelab Guru

86. Pembangunan potensi generasi muda amat berkait rapat dengan tingginya harapan mereka untuk menjalani kehidupan terutama memiliki pekerjaan. Alhamdulillah menurut rekod Jabatan Tenaga Kerja Perak, sasaran tahun 2015 untuk mewujudkan 21,750 penempatan pekerjaan telah melepasi sasarannya sehingga Oktober 2015, bila mana seramai 22,020 orang telah berjaya ditempatkan dalam pelbagai sektor pekerjaan.

87. Di samping itu Pusat Pemadan Kerjaya Amanjaya (PeKA) yang meletakkan sasaran penempatan pekerjaan 6,000 bagi tahun 2015, telah berjaya memadankan 8,101 pekerja di perusahaan dan syarikat di seluruh Negeri Perak. Untuk tahun 2016, PeKA menetapkan sasaran sebanyak 10 ribu peluang penempatan pekerjaan khususnya bagi generasi muda.

88. Bagi memperkasakan bekalan tenaga kerja mahir dan terlatih Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan sebuah kumpulan latihan bagi mewujudkan **Pusat Pembangunan Modal Insan Perak (PPMIP)** atau dengan izin, *Perak Human Capital Development Center* yang mempunyai kapasiti melatih seramai 2,000 tenaga mahir dan separa mahir setiap tahun dalam pelbagai bidang. Antaranya, kimpalan, animasi multimedia, reka bentuk acuan dan telekomunikasi. Berdasarkan unjuran PPMIP, Perak memerlukan 8,950 pekerja mahir bagi tahun 2016. PPMIP juga mengenalpasti bidang yang paling tinggi permintaan, iaitu dalam

bidang kimpalan yang memerlukan lebih 2,000 jurugegas dan pembantu pengimpal.

89. Sehubungan itu, bagi memastikan usaha mencemerlangkan potensi generasi muda akan terus digerakkan, sebanyak **RM7.25 juta** diperuntukkan bagi program-program yang berikut:

- RM2.5 juta bagi Pusat Pemadan Kerjaya Amanjaya (PeKA);
- RM2 juta bagi Program Pengupayaan Generasi Muda;
- RM1.5 juta untuk Pengupayaan Mahasiswa; dan
- RM1.25 juta bantuan kepada PORT (*People of Remarkable Talent*)

90. Sesuai dengan hasrat menyediakan generasi pelapis untuk memikul amanah sebagai pemimpin pada masa hadapan, Kerajaan Negeri turut menyediakan **RM1 juta** bagi merealisasikan inisiatif **DUN Belia Amanjaya Negeri Perak**.

Dato' Sri Yang Dipertua,

91. Kerajaan Negeri mengakui peranan dan penyertaan kaum hawa dalam pentadbiran dan pembangunan negeri perlu dipertingkatkan. Seajar dengan hasrat untuk mencapai sasaran 30 peratus sekurang-

kurangnya penyertaan wanita di peringkat pembuat dasar, Kerajaan Negeri terus komited untuk membuat perlantikan di kalangan wanita di jawatan-jawatan penting. Perlu ditegaskan perlantikan yang dibuat bukanlah hanya sekadar untuk memenuhi kuota tetapi sebaliknya mereka pada hakikatnya memang layak untuk ditempatkan ke jawatan-jawatan berkenaan.

92. Alhamdulillah, kita di Negeri Perak menyaksikan untuk pertama kalinya seorang Pegawai Daerah dan seorang Yang Dipertua Majlis daripada wanita telah dilantik ke jawatan kanan tersebut. Begitu juga dua orang wanita telah dilantik ke jawatan jurutera daerah Jabatan Kerja Raya dan dua orang lagi jurutera daerah Jabatan Pengairan dan Saliran. Malah di peringkat Negeri, Pengarah Kesihatan, Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Pengarah Kebajikan, Pengarah Maritim dan Pengarah Perpustakaan juga kini seorang wanita.

93. Selain soal perlantikan, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan **RM3 juta** bagi program-program **pembangunan wanita dan kebajikan**. Melalui peruntukan ini, program pembangunan wanita seperti kemahiran dan perekonomian mereka akan diberikan tumpuan.

Dato' Sri Yang Dipertua,

**FOKUS KEEMPAT:**

**MEMPERTEGUHKAN INTEGRASI DAN KEHARMONIAN**

94. Keharmonian dan perpaduan kaum merupakan asas penting di dalam menggerakkan negeri tercinta ke arah yang lebih maju. Melihat kepada kerencaman pola pemikiran dan tindakan sesetengah pihak kini, kita berhadapan dengan isu-isu perkauman yang melampau serta munculnya golongan yang mempunyai pemikiran dan tindakan yang ekstrim.

95. Sehubungan itu, bagi memastikan program yang menjurus kepada pemupukan dan pengukuhan hubungan sesama rakyat akan disatukan di bawah **Program Keharmonian dan Integrasi**. Bagi maksud ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM21.95 juta** dengan pecahan:

- RM5 juta untuk Rumah Ibadat Bukan Islam;
- RM4 juta peruntukan Hal Ehwal Bukan Islam;
- RM3 juta bagi Skim Tabaruk;
- RM3 juta diperuntukan untuk Program Pembangunan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam usaha memperkasakan masyarakat sivil di negeri ini;
- RM1.9 juta melibatkan tambahan sebanyak **RM200 ribu** untuk Pengupayaan Orang Asli;

- RM1.75 juta untuk Program Sukan Massa, tambahan sebanyak RM250 ribu;
- RM1 juta Bantuan Tunai Semasa Perayaan;
- RM1 juta bagi membiayai Program PIBG
- RM1 juta bagi Program Perpaduan; dan
- RM0.3 juta bagi aktiviti di bawah RELA.

96. Dengan peruntukan yang disediakan, Kerajaan Negeri percaya usaha-usaha menyemarakkan lagi aktiviti pengukuhan integrasi serta meningkatkan rasa kesalingan di kalangan rakyat akan tercapai.

Dato' Sri Yang Dipertua,

**FOKUS KELIMA:**

**MEMPERKUKUH JARINGAN INFRASTRUKTUR**

97. Menyedari tentang pentingnya aset yang dibina dapat kekal serta memanjangkan jangka hayat aset, maka aspek penyenggaraan dan pemuliharaan juga diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Dalam konteks ini, perancangan bajet turut mengambil kira aspek kitaran hayat (*life cycle costing*) aset jalan dan kemudahan awam yang dibina.

98. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM70 juta** di bawah Bajet Pembangunan untuk **Jabatan Kerja Raya** bagi tahun 2016.

Daripada jumlah tersebut, **RM40 juta** akan dibelanjakan bagi pembangunan prasarana infrastruktur yang mengambilkira pembinaan jalan baru, memperelok, melebar serta menaiktaraf jalan sedia ada. Disamping itu, jambatan yang dikenalpasti mengalami kerosakan kritikal serta keutuhan struktur yang diragui akan diganti dan dibina baru mengikut kesesuaian. Isu kemalangan jalan raya juga menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian sejumlah peruntukan bagi merawat kawasan kemalangan, menaiktaraf simpang dan memasang lampu jalan turut disediakan. Manakala **RM30 juta** lagi diperuntukkan bagi pembinaan dan penyenggaraan pelbagai bangunan.

### **Lebuhraya Persisiran Pantai Barat**

99. Di dalam Bajet 2015, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan Lebuhraya Pantai Barat sejauh 305.7 kilometer dari Banting di Selangor hingga ke Changkat Jering di Taiping, Perak yang akan menelan belanja antara RM5 bilion hingga RM6 bilion untuk dilaksanakan dalam tempoh 4 tahun.

100. Lebuhraya ini akan merentangi Negeri Perak sepanjang 172 kilometer bermula dari Hutan Melintang ke Changkat Jering yang meliputi 11 plaza tol dan 11 buah persimpangan bertingkat.



101. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan sebahagian daripada jajaran lebuh raya tersebut iaitu kerja-kerja menaiktaraf jalan dan jambatan di Laluan Persekutuan 5 dari Jambatan Sultan Yusof, Hilir Perak ke Lekir, Manjung meliputi 32.8 kilometer. Dianggarkan kos bagi kerja-kerja menaiktaraf yang akan dilaksanakan oleh JKR adalah RM644.5 juta dan pelaksanaannya bermula 1 Oktober 2015.

### **Infrastruktur Pengairan Dan Saliran**

102. Menyentuh **pembangunan infrastruktur pengairan** pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM16 juta**, tambahan sebanyak **RM1 juta** di bawah Bajet Pembangunan dengan pecahan:

- **RM9 juta** bagi tujuan **Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar**.
- **RM3.7 juta** bagi **pengurusan dan pemuliharaan sungai-sungai**.
- **RM3.3 juta** pula bagi **kerja-kerja menaiktaraf pengairan pertanian serta pemuliharaan ban pantai dan kawalan hakisan**.

## **Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Di Bawah Peruntukan *Malaysian Road Record Information System (MARRIS)***

103. Kerajaan Persekutuan terus komited dalam pemberian MARRIS kepada Kerajaan Negeri pada setiap tahun yang bertujuan untuk menyenggara jalan-jalan melibatkan jalan negeri, jalan bandaran, jalan kampung, jalan pertanian, jalan di kawasan perumahan dan jalan di pulau pelancongan. Bagi tahun 2015, dianggarkan sebanyak RM432 juta pemberian MARRIS diagih-agihkan kepada agensi-agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua Pejabat Daerah & Tanah.

104. Sepanjang tempoh RMKe-11, rangkaian jalan raya akan dipertingkatkan *Road Density Index* nya dari 1.0 kepada 1.3 (*Road Density Index* didefinisikan sebagai kepadatan jalan (kilometer) berbanding keluasan kawasan kilometer persegi).

### **Projek Bekalan Air**

105. Tahun 2015 merupakan tahun terakhir Lembaga Air Perak melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah pinjaman Kerajaan Persekutuan. Peruntukan yang telah disediakan bagi tahun 2015 adalah

bernilai **RM57,485,828** untuk membiayai 4 projek utama yang telah selesai dilaksanakan mengikut sasaran meliputi projek-projek berikut:-

- (i) Rancangan Bekalan Air Sungai Siput/ Manong Daerah Kuala Kangsar Fasa II;
- (ii) Memperluas sistem agihan bekalan air Greater Ipoh IV;
- (iii) Membina/memasang loji/ kolam takungan dan paip utama Larut, Matang & Selama; dan
- (iv) Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil.

106. Selaras dengan penstrukturan semula industri air negara, Kerajaan Persekutuan tidak lagi menyediakan pinjaman bagi pelaksanaan projek bekalan air sama ada projek baru atau sambungan. Bagi melaksanakan projek pembangunan bermula pada tahun 2016, Lembaga Air Perak (LAP) akan menyediakan peruntukan sebanyak RM91.04 juta bagi membiayai projek-projek utama berikut:-

- (i) Membaikpulih dan meningkatkan sistem agihan;
- (ii) Membaikpulih dan menaiktaraf loji air;
- (iii) Melaksana projek bekalan air luar bandar;
- (iv) Melaksana program mengurangkan kadar kehilangan air tak berhasil;
- (v) Menyedia bekalan air skim Sungai Kinta;
- (vi) Mengalih dan memasang paip;

- (vii) Membina/memasang loji/ kolam takungan dan paip utama di Daerah Kuala Kangsar, Hulu Perak, Manjung dan Larut, Matang & Selama;
- (viii) Memasang sistem telemetri; dan
- (ix) Memperluas sistem agihan bekalan air Greater Ipoh IV.

107. Bermula pada tahun 2016 juga, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) akan menyediakan peruntukan sebanyak RM50.55 juta bagi membiayai projek-projek pembangunan. Projek pembinaan Loji Rawatan Air Baru Sungai Rawa di Daerah Kerian merupakan projek pertama LAP di bawah PAAB yang akan bermula pada Oktober 2016 dan dijangka siap pada penghujung Oktober 2017.

### **Penyediaan Lain-Lain Infrastruktur**

108. Peruntukan **RM4 juta** diteruskan juga kepada **Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan** bagi penyediaan pelbagai pembangunan infrastruktur, perkhidmatan Bandar, kemudahan awam dan kemudahan komersil yang lebih baik dan selesa.

Dato' Sri Yang Dipertua,

**FOKUS KEENAM :**

**MENSEJAHTERAKAN KEHIDUPAN RAKYAT**

**Pembangunan Rumah Mampu Milik**

109. Kerajaan Negeri amat sedar permasalahan yang dihadapi oleh rakyat kini melibatkan soal sara hidup mereka. Keperluan perumahan dan kos sara hidup yang meningkat, menuntut pihak kerajaan melipat gandakan usaha dalam mengurangkan beban yang dihadapi oleh mereka.

110. Selaras dengan Gagasan Perak Amanjaya untuk membantu golongan kurang bernasib baik dan kurang mampu memiliki tempat tinggal yang selesa, Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi. Melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan pihak swasta, kerajaan akan membangunkan 10 ribu unit rumah mampu milik sehingga tahun 2018.

111. Bagi tempoh 2015 hingga 2017, disasarkan 6,649 unit rumah mampu milik akan dibina di Kamunting Raya, Taman Trong Bakti, Ulu Kinta, Bandar Meru Raya, Pengkalan Raya, Alor Pongsu, Segari, Parit Jerman dan Tapah Road. Untuk itu, pada Mei 2015 yang lalu, pelancaran

pembinaan sebahagian rumah mampu milik di Bandar Meru Raya telah dilaksanakan.

112. Lain-lain kawasan yang telah dikenalpasti untuk pembangunan 1,044 unit rumah mampu milik adalah di Slim River, Ulu Bernam Timur, Keramat Pulai, Malim Nawar dan Ulu Bernam (Kota Malim Prima).

113. Selain usaha tersebut, beberapa inisiatif lain turut dilaksanakan iaitu:

- **Skim Rumah Insan Amanjaya (SRIA)** dengan peruntukkan **RM10 juta** bagi tahun 2016 sebagai sebahagian daripada dana berbentuk *Rolling Plan* sebanyak RM60 juta dalam tempoh lima tahun;
- **Program Bantuan Rumah (PBR)** dengan peruntukan **RM5 juta** bagi tujuan baik pulih dan bina baru.
- **Program Perumahan Rakyat (PPR)** di Daerah Kerian sebanyak 100 unit dan Hilir Perak, 150 unit dengan peruntukan **RM10 juta** yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2016

Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Pembasmian Kemiskinan dan Bantuan Kebajikan**

114. Berdasarkan kepada Sistem e-Kasih sehingga 1 Oktober 2015, seramai 35,942 atau 88.4 peratus daripada 40,667 bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) miskin dan miskin tegar yang berdaftar dan disahkan telah berjaya dikeluarkan daripada kepompong kemiskinan melalui usaha berterusan kerajaan. Sehingga kini di Negeri Perak, masih terdapat 412 KIR yang masih di bawah kategori miskin tegar dan 4,305 KIR di bawah kategori miskin.

115. Pelbagai program dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Bina Upaya sebagai usaha pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat Negeri Perak seperti Skim INFRA Bantuan Bina Baru Kediaman, Bantuan Barangan Makanan, Bantuan Wang Tunai Perayaan, Skim Latihan Otomotif Untuk Belia (SLAA), pembiayaan KIOSK YBU Amanjaya dan Kedai Bergerak 1Amanjaya.

116. Justeru mendepani resah dan jerih rakyat dalam berhadapan persoalan kos sara hidup yang meningkat, khususnya golongan berpendapatan rendah di luar bandar, melalui inisiatif **Kedai Bergerak 1Amanjaya** yang telah diperkenalkan pada April 2014, kerajaan akan menambah peruntukan sebanyak RM250 ribu menjadi **RM750 ribu** bagi meningkatkan kekerapan jualan di lokasi-lokasi yang terpilih. Sehingga

Julai 2015, program ini telah mencatat jualan bernilai RM1.36 juta di 250 lokasi.

117. Selain itu, **Bantuan Barangan Makanan** yang bertujuan menjamin makanan asas untuk kumpulan sasar daripada kalangan miskin akan diteruskan dengan peruntukan **RM5 juta**.

118. Kerajaan Negeri juga prihatin terhadap kebajikan rakyat. Untuk itu, Kerajaan Negeri meneruskan peruntukan seperti berikut:

- **Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat** sebanyak **RM28.39 juta**, peningkatan sebanyak RM1 juta.
- **RM1 juta** bagi **pusat-pusat jagaan anak yatim** yang berdaftar.
- **RM150 ribu bantuan per kapita** untuk **7 buah pusat jagaan warga tua** berdaftar.

119. Kesejahteraan rakyat juga melibatkan soal jaminan keselamatan dalam kehidupan seharian. Untuk itu Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM1 juta bagi usaha pencegahan jenayah** dan **RM1.5 juta bagi pembanteras dadah** pada tahun 2016.

120. Selain daripada peruntukan sedia ada, usaha pembasmian kemiskinan turut dilaksanakan melalui skim Ladang Rakyat SADC dengan jangkaan **RM12 juta** dividen akan dibayar kepada **2,200 peserta**.



Dato' Sri Yang Dipertua,

**FOKUS KETUJUH :**

**MENYEMARAKKAN SYARIAT**

121. Sayugia diingatkan hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu terletak sepenuhnya di bawah kuasa Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak. Sebagai iltizam dalam mendukung hal ehwal Islam ini, InsyaAllah, Kerajaan Negeri akan sentiasa menumpahkan taat setia Ke Bawah Duli Tuanku bagi memastikan kesyumulan Islam di negeri ini dapat disemarakkan.

122. Untuk itu, pelaksanaan pelbagai program untuk melahirkan insan yang syumul dan menggalakkan aktiviti-aktiviti sesuai dengan syariat Islam akan terus diberikan tumpuan. Pembentukan ummah dengan penghayatan terhadap nilai-nilai murni agama akan sentiasa disemarakkan. Untuk itu, sejumlah **RM42.1 juta** diperuntukkan dengan pecahan:

- RM10 juta untuk membaik pulih dan menambah baik infrastruktur masjid dan surau;
- RM7.5 juta bagi elaun kepada 3,120 guru-guru KAFA
- RM9.5 juta bagi elaun 2,644 Bilal dan Siak melibatkan 661 buah masjid
- RM6.1 juta untuk Jabatan Agama Islam

- RM6 juta Jabatan Kehakiman Syariah
- RM3 juta untuk Sekolah-Sekolah Agama Rakyat

123. Dengan peruntukan yang disediakan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) akan melaksanakan pelbagai program penghayatan di pelbagai peringkat.

124. Ini termasuklah usaha memberikan kefahaman kepada kumpulan pembuat dasar, pelaksana dasar dan masyarakat tentang Indeks Syariah Malaysia. Indeks ini penting bagi memastikan amalan patuh syariah dapat dipertingkatkan.

125. Dalam memantapkan tugas yang berkaitan dengan syariah, Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Perak akan menjadi sebuah jabatan baru yang dikenali sebagai **Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak** bermula tahun **2016**.

126. Dalam konteks pembangunan institusi kekeluargaan Islam, Jabatan Agama Islam Perak turut mengendalikan Majlis Nikah Jama'ie bagi kumpulan sasar terutamanya golongan kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah melaksanakan pernikahan mengikut syariat Islam. Ini adalah usaha pihak kerajaan untuk menggalakkan pembentukan keluarga sakinah - sebuah keluarga yang dipenuhi dengan kasih sayang,

keamanan, ketenteraman, perlindungan, bahagia, berkat dan dirahmati oleh Allah SWT. Majlis ini akan dijadikan program tahunan dan diharapkan dapat dilaksanakan di seluruh negeri dengan penyertaan lebih ramai terutama daripada saudara baru Islam dan mereka yang kurang berkemampuan.

127. Selain usaha ini, Kerajaan Negeri akan meneruskan penajaan mengerjakan haji pada tahun hadapan yang melibatkan:

- 5 orang Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam (Kadi) dan 10 orang Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam (Naib Kadi) di seluruh Negeri Perak.
- 10 orang Imam, 6 orang bilal dan 4 orang siak yang dipilih melalui Jawatankuasa Pemilihan Permohonan Hadiah Haji.

128. Untuk tahun 2016, Kerajaan Negeri Perak telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada Majlis Hafazan Peringkat Kebangsaan Kali ke-37 yang dijadualkan pada bulan Februari 2016. Untuk itu, Kerajaan Negeri meneruskan usaha bagi melahirkan para hufaz yang berkualiti. Sebagai persediaan awal, Jabatan Agama Islam Perak akan menganjurkan Program Tahfiz Peringkat Negeri Perak pada bulan Disember tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Rasional dan Justifikasi Kewangan**

129. Belanjawan yang dibentangkan ini melibatkan peruntukan berjumlah **satu billion, lapan puluh lapan juta, lapan ratus dua puluh satu ribu, dua ratus dua puluh lima ringgit (RM1,088,821,225)** yang dibiayai oleh anggaran hasil dan terimaan pembangunan berjumlah **satu billion, tiga puluh sembilan juta, enam ratus empat puluh dua ribu, lima ratus empat puluh sembilan ringgit (RM1,039,642,549)** yang melibatkan anggaran defisit **RM49.18 juta**. Berbanding Bajet Tahun 2015, belanjawan 2016 meningkat sebanyak **RM38.3 juta** atau **3.65 peratus**.

130. Dari jumlah belanjawan 2016 iaitu **satu billion, lapan puluh lapan juta, lapan ratus dua puluh satu ribu, dua ratus dua puluh lima ringgit (RM1,088,821,225)**, **RM691.38 juta** adalah perbelanjaan mengurus. Ini merupakan **63.50 peratus** berbanding **67.37 peratus** pada tahun 2015. Analisa dari segi nilai pula menunjukkan perbelanjaan mengurus pada tahun 2015 meningkat sebanyak **RM34.18 juta** atau **5.07 peratus** berbanding tahun 2014, manakala perbelanjaan mengurus tahun 2016 pula mengalami pengurangan sebanyak **RM16.43 juta** atau **2.32 peratus** berbanding tahun 2015. Pengurangan perbelanjaan mengurus ini menunjukkan perbelanjaan berhemah yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri, selaras dengan tema "Belanjawan Berhemah; Rakyat Sejahtera".

131. Bajet tahun 2016 ini memperuntukkan **RM397.44 juta** bagi tujuan pembangunan, iaitu bertambah sebanyak **RM54.73 juta** atau **15.97 peratus** berbanding tahun 2015. Jumlah ini merupakan **36.50 peratus** dari jumlah bajet negeri bagi tahun 2016, berbanding **32.63 peratus** pada tahun 2015.

132. Seperti pada 7 tahun kebelakangan ini (2008-2015), Bajet Tahun 2016 ini juga menganggarkan defisit sebanyak RM49.18 juta berbanding RM50.06 juta pada tahun 2015, iaitu pengurangan anggaran defisit sebanyak RM883 ribu atau 1.76 peratus. Walau bagaimanapun, rekod prestasi belanjawan Negeri Perak sejak tahun 2010 menunjukkan pencapaian yang baik, iaitu mengakhiri bajet tahunannya dengan lebihan (surplus), sekalipun diperingkat penyediaan bajet menganggarkan defisit. Prestasi yang positif itu adalah terhasil dari amalan berhemah serta kecekapan dalam pengurusan kewangan negeri. Oleh itu, sekalipun Bajet Tahun 2016 ini merupakan belanjawan defisit, Kerajaan Negeri sekali lagi berharap ia akan berakhir dengan lebihan (surplus) atau setidak-tidaknya berimbang.

Dato' Sri Yang Dipertua,

133. Dalam suasana ekonomi yang lembab serta tidak menentu di peringkat global, dan kesannya pula menempias ke negara kita, bukanlah suatu kerja mudah untuk menyediakan Belanjawan Negeri yang ideal bagi merungkai segala permasalahan serta cabaran dan merencanakan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Walaupun berdepan dengan kegetiran itu, namun Kerajaan Negeri masih mampu menyediakan belanjawan yang berpembangunan (*developmental*), bukan sahaja berupaya meneruskan segala program dan projek yang berpaksikan kepentingan rakyat dan kemajuan negeri, malah mampu menambah peruntukan bagi tujuan pembangunan, sekalipun dengan jumlah pertambahan yang tidak begitu besar, iaitu RM54.73 juta atau 15.97 peratus, menjadikan peruntukan pembangunan sebanyak **Ringgit Malaysia, tiga ratus sembilan puluh tujuh juta empat ratus tiga puluh lapan ribu** (RM397,438,000 juta) atau 36.5 peratus daripada keseluruhan belanjawan tahun 2016.

134. Pada realitinya, apabila iklim ekonomi suram dan tidak menentu, amalan lazim dalam penyediaan belanjawan ialah mengurangkan belanjawan dan dalam hal yang demikian, peruntukan pembangunanlah yang menjadi korban atau pun angka defisit menjadi besar.

135. Kita patut sama-sama bersyukur atas rahmat kurniaan Illahi yang membolehkan kita mendepani cabaran sengit, sekaligus mampu memacu kemajuan negeri demi kesejahteraan rakyat.

136. Izinkan saya memetik kata-kata Peter Drucker, iaitu seorang guru pengurusan moden, yang berbunyi,

*“Management is doing things right; leadership is doing the right things”.*

Terjemahannya lebih kurang bermaksud “Pengurusan ialah melakukan sesuatu perkara dengan betul, manakala kepimpinan pula melakukan perkara yang betul”. Natijahnya; adunan pengurusan dan kepemimpinan di bawah Barisan Nasional melakukan perkara yang betul dalam mengemudi sesebuah negeri. Atas gabungan yang betul itu, bersekali dengan landasan yang betul, maka rakyat di negeri ini boleh meletakkan harapan untuk terus menikmati kehidupan yang aman makmur, tiada yang tertinggal, tiada yang terpinggir.

137. Usah kita berbalah. Ini bukan masa untuk menambah masalah. Mari kita tangani bersama sebarang musibah. Mudah-mudahan pada tahun-tahun mendatang akan terisi dengan rahmat serta keberkatan jua hendaknya.

## **Penutup**

Dato' Sri Yang Dipertua,

138. Sebelum saya akhiri ucapan pembentangan Bajet 2016 ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih kepada segenap lapisan rakyat jelata, termasuk Kerajaan Persekutuan, atas bantuan dan kerjasama yang diberikan bagi mencapai matlamat pembangunan Negeri Perak tercinta ini.

139. Ucapan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada pelbagai pihak, termasuk pemimpin masyarakat, aktivis masyarakat sivil, warga dan pemimpin NGO, golongan peniaga dan korporat serta para cendekiawan yang turut menyumbang idea serta cadangan dalam penyediaan Bajet 2016 ini.

140. Penghargaan dan ucapan terima kasih turut disampaikan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan yang telah memberikan input serta khidmat sokongan dalam penyediaan Bajet ini.

141. Merentasi ufuk yang baru dalam mendepani cabaran-cabaran yang ada di hadapan kita, pembentangan Bajet ini menjadi ujian kepada kematangan politik setiap daripada kita. Bajet yang disulami harapan untuk melihat keseimbangan pembangunan material dan kesejahteraan



hidup rakyat dapat dikecapi, menuntut kita sama-sama berganding bahu melayari ombak dan menyusuri liku demi Negeri Perak dan rakyatnya.

142. Janganlah ada di kalangan kita mempunyai penyakit minda yang menderita fikirannya, iaitu segala usaha, perancangan dan pembentangan seperti Bajet ini, diukur daripada kaca mata yang sempit, dilihat dari sudut yang amat negatif kerana sikap *bias* yang cukup keterlaluan. Dalam ilmu psikologi dan *behavioral economics*, ini dipanggil sebagai *Cognitive Bias*, iaitu seorang yang sentiasa berprasangka buruk, menjatuhkan hukuman tanpa sebarang ukuran rasional dan pertimbangan yang munasabah.

143. Marilah dengan cara kita di Perak, yang sentiasa meletakkan muafakat sebagai pendekatan, untuk sama-sama membangkitkan citra negeri tercinta. Cara kita yang menggabungkan pemikiran serta partisipasi merentasi batas kepartian, secara konstruktif menjayakan Bajet ini, agar rakyat memperolehi manfaat daripadanya.

“Bajet ini bajet kita  
Usah diumpat, usah dicela  
Apa yang ada itulah dibelanja  
Kukuh muafakat, kita berjaya”

Dato' Sri Yang DiPertua,

Saya mohon mencadang.

Sekian, terima kasih.

Wabillhitaufiq      Walhidayah,      Wassalamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarokatuh

